

TANAH MERAH, 17 OGOS (BERNAMA) — TUN ABDUL RAZAK DAN DATUK HAJI MOHAMED ASRI TIDAK PERLU BERSATU DALAM BARISAN NASIONAL KALAU +SEKADAR MEREKA HENDAK MENGEKALKAN KEDUDUKAN MASING-MASING BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI+, KATA AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO, DR. MAHATHIR MOHAMED.

TUN RAZAK MAMPU MENGEKALKAN JAWATANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI DAN DATUK ASRI PULA SEBAGAI MENTERI BESAR KELANTAN KALAU SEKADAR UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI KERANA MEREKA SUDAH MEMPUNYAI TEMPAT YANG TERJAMIN.

TETAPI, KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU MEMANDANG JAUH KEHADAPAN UNTUK MEMBAWA NEGERA DAN RAKYAT KEA ARAH PERPADUAN DAN KEMAJUAN MENERUSI BARISAN NASIONAL.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DALAM SATU RAPAT UMUM DI KUBANG PUTAT DAN BATU GAJAH DEKAT SINI MALAM TADI.

KATANYA LAGI PERJUANGAN BARISAN NASIONAL TALAH UNTUK MENGUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG BERSATU PADU DAN UTUH SUPAYA SEMUA ORANG DAPAT MERASAI NIKMATNYA.

KERANA ITU WAJARNYA BAGI SETIAP RAKYAT MENYOKONG BARISAN NASIONAL DENGAN MENGUNDI CALUN-CALUNNYA YANG BERTANDING DALAM PILIHANRAYA. —BERSAMBUNG 1210/SZ

522:

RAPAT 2 TANAH MERAH

MENGENAI PARTI SOSIALIS RAKYAT MALAYSIA DR. MAHADIR BERKATA, PARTI ITU TIDAK MEMPUNYAI SATU DASAR POLITIK YANG BOLEH MENJAMIN KEUTUHAN DAN KEKUATAN UGAMA.

PARTI ITU, KATANYA, HANYA MEMENTINGKAN KEDUNIAAN SEMATA-MATA DAN DIANGGAP OLEH KEBANYAKAN RAKYAT TERUTAMANYA ORANG-ORANG MELAYU SEBAGAI PARTI YANG KOTOR DAN TIDAK HARUS DITERIMA.

DI PASIR PUTEH: MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN TUGAS KHAS, DATUK HAJI MOHAMAD ASRI MEMBERITAHU SATU RAPAT UMUM BAHAWA TUN RAZAK TELAH BERJANJI AKAN MEMBERIKAN PERUNTUKAN YANG LEBIH BESAR DI MASA-MASA AKAN DATANG BAGI TUJUAN MENYIBARKAN DAKWAH ISLAM.

INI ADALAH KERANA KERAJAAN PERCAYA BAHAWA KEKUATAN KEROHANIAN ADALAH PERLU BAGI RAKYAT DISAMPING KEMAJUAN EKONOMI.

DATUK ASRI BERKATA, BUKU-BUKU MENGENAI UGAMA ISLAM DALAM BAHASA INGGERSI AKAN DICETAK TIDAK LAMA LAGI UNTUK MENOLONG ORANG-ORANG BUKAN ISLAM MEMAHAMI UGAMA ITU. —BERSAMBUNG 1215/SZ

523:

RAPAT 3 TANAH MERAH

BUKU-BUKU TERSEBUT AKAN DIEDARKAN DISERATA TEMPAT TERMASUK SEKOLAH, JABATAN KERAJAAN DAN HOTEL-HOTEL.

BERUCAP DALAM RAPAT UMUM YANG SAMA, KETUA PERHUBUNGAN UMNO KELANTAN TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH BERKATA, ADA SEBILANGAN ORANG YANG TELAH DATANG MEMINTA MAAF KERANA TERLIBAT DALAM KEGIATAN CALUN-CALUN BEBAS.

MEREKA BERBUAT DEMIKIAN SETELAH DIBERI AMARAN BAHAWA UMNO AKAN MEMECAT AHLI-AHLINYA YANG BERTANDING SEBAGAI CALUN BEBAS DAN JUGA PENYOKONG-PENYOKONG MEREKA.

TENGGU TAN SRI RAZALEIGH JUGA MENYATAKAN, PELUANG UNTUK ANAK-ANAK BUMIPUTRA MELANJUTKAN PELAJARAN TERBUKA LEBIH LUAS LAGI JIKA KERAJAAN BARISAN NASIONAL BERKUASA.

ADALAH MENJADI SALAH SATU TUJUAN BARISAN NASIONAL UNTUK MENINGGIKAN TARAF PELAJARAN KELANGAN BUMIPUTRA SESUAI DENGAN USAHA MENINGGIKAN EKONOMI MEREKA. —BERNAMA 1219/SZ